

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM
PERINGKAT NEGERI SELANGOR
TAHUN 2022



RINGKASAN
EKSEKUTIF

MEMPERCEPATKAN PENCARIAN
DOKUMEN KEWANGAN

“TRANSFORMASI PENDIGITALAN
KE ARAH PENYAMPAIAN MAKLUMAT BERKESAN”

RINGKASAN EKSEKUTIF

1. Kumpulan Fintech ditubuhkan pada 17 Jun 2020 selaras dengan pelantikan bagi menyertai Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PKNS 2021 bagi melaksanakan inovasi penambahbaikan proses penyampaian dokumen dan maklumat bagi meningkatkan produktiviti serta kecekapan dalam pencarian dokumen kewangan. Ini seterusnya akan memberikan perkhidmatan yang terbaik terhadap pengurusan perolehan dokumen kewangan kepada pengguna.
2. Kumpulan Fintech telah melaksanakan penambahbaikan terhadap penyimpanan dokumen kewangan sedia ada yang sering menghadapi permasalahan dalam pencarian dokumen kewangan mengambil masa yang lama. Kumpulan Fintech telah membuat inovasi terhadap penyimpanan dokumen kewangan dengan membangunkan satu storan penyimpanan dokumen kewangan secara digital yang dinamakan sebagai **FINTECH SITES**.
3. **FINTECH SITES** merupakan satu aplikasi yang terdapat di Google yang menyediakan satu ruangan storan penyimpanan maklumat secara digital. **FINTECH SITES** berupaya menyampaikan dokumen kewangan dengan pantas, tepat dan selamat dalam perkongsian dokumen dan maklumat kewangan kepada pengguna.
4. **FINTECH SITES** juga merupakan satu medium perkongsian maklumat berkaitan dokumen dan maklumat kewangan yang boleh diakses oleh semua kakitangan jabatan dalaman. Pengguna dokumen kewangan juga seperti juru audit, Kementerian Kewangan dan lain-lain pengguna dokumen kewangan secara tidak langsung boleh melihat dan mengakses dokumen kewangan di **FINTECH SITES**. Namun, dokumen kewangan yang berstatus SULIT, kebenaran untuk mengakses dokumen adalah diperlukan. **FINTECH SITES** mampu menyampaikan maklumat secara efektif, dimana jua berada dan pada bila-bila masa maklumat diperlukan, penyampaian maklumat dapat disampaikan dengan pantas.
5. Outcome daripada pelaksanaan
 - I..... Tempoh masa pencarian dokumen kewangan dan penyampaian maklumat dapat dikurangkan. kepantasan masa pencarian bertambah 99%. Proses kerja yang mengambil masa 14,400 minit = 10 hari berjaya dikurangkan kepada 30 minit.
 - II..... Penjimatan kos percetakan sebanyak 81% berjaya dilakukan selepas Fintech Sites dibangunkan.

RINGKASAN EKSEKUTIF

III..... Kos percetakan bagi dokumen kewangan RM430 sebulan sebelum inovasi Fintech Sites dibangunkan berkurang kepada RM125 sebulan selepas Fintech Sites dibangunkan.

IV..... 90% responden berpuas hati dengan penyampaian maklumat melalui pendigitalan di Fintech Sites.

V..... Dengan penyimpanan maklumat dan dokumen di Fintech Sites, produktiviti proses kerja penyampaian maklumat dokumen kewangan telah meningkat.

6....Impak dan pelaksanaan sistem **FINTECH SITES**

I..... Sistematis & Efektif – himpunan penyimpanan dan pencarian dokumen yang lebih teratur.

II..... Meningkatkan capaian maklumat kewangan dengan pantas dan tepat.

III. Memaksimumkan kecekapan dan penyampaian maklumat yang berkesan.

IV..... Memenuhi keperluan pihak berkepentingan dari semasa ke semasa.

V. Mengatasi masalah dokumen rosak atau hilang.

VI..... Penjimatan guna tenaga manusia.

VII. Menjaga imej PKNS –proses penyampaian maklumat lebih efektif dan lancar.

7....Potensi pengembangan inovasi

I. Kesediaan menggunakan Fintech Sites digunakan oleh PKNS bermula tahun 2021

II..... Sokongan penggunaan Fintech Sites oleh Bahagian Teknologi Maklumat

III. Penggunaan Fintech Sites oleh kepada seluruh warga PKNS & pihak berkepentingan

1.0 PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

1.1 PENGENALAN KUMPULAN

Kumpulan Fintech telah ditubuhkan pada 17 Jun 2020 untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Bahagian Kewangan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Kumpulan Fintech terdiri daripada 10 orang ahli yang merupakan kakitangan Kluster Pejabat Ketua Pegawai Kewangan (**Rujuk Lampiran 1.1**). Penubuhan Fintech juga selaras dengan arahan pengurusan bagi menyertai Konvesyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PKNS 2021 (**Rujuk Lampiran 1**).

VISI KUMPULAN

TRANSFORMASI PENDIGITALAN KE ARAH PENYAMPAIAN
MAKLUMAT BERKESAN

1.2 NAMA PROJEK/ INOVASI

Nama projek ialah **FINTECH SITE** iaitu satu inovasi kreatif dan inovatif untuk **Mempercepatkan Proses Pencarian Dokumen Kewangan**. Kesusahan yang dihadapi sepanjang Bekerja Dari Rumah (BDR) telah mencetuskan idea kreatif kepada kumpulan Fintech untuk menyimpan semua dokumen kewangan dalam bentuk digital, menyusun atur dokumen -dokumen tersebut mengikut kategori dan mengakses secara maya maklumat yang diperlukan tbil-bila masa dari mana pun wargakerja berada. Inovasi **FINTECH SITE** telah berupaya meningkatkan kecekapan dan perolehan pengurusan maklumat Bahagian Kewangan.

1.3 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK

Inovasi **FINTECH SITES** termasuk dalam Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan. Ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan efisien. Inovasi **FINTECH SITES** dikategorikan sebagai Penambahbaikan Proses Kerja sedia ada dan Penyampaian Perkhidmatan pencarian dokumen kewangan melalui kaedah yang sistematik dan inovatif.

1.4. SOKONGAN DAN KELULUSAN PIHAK

Projek **FINTECH SITES** telah dibincangkan dan dibahaskan serta telah mendapat sokongan dan kelulusan di dalam Mesyuarat Pengurusan PKNS bertarikh 29 Jun 2021 (Rujuk Lampiran 1.2).

Projek **FINTECH SITES** juga telah mendapat sokongan daripada Bahagian Teknologi Maklumat PKNS dan ejensi luar iaitu juruaudit luar untuk menambahbaik prosedur kerja di Bahagian Kewangan. (Rujuk Lampiran 1.3).

2.0 SIGNIFIKASI DAN PEMBUKTIAN PROJEK

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN/ORGANISASI

Pemilihan projek ini adalah bertepatan dengan fungsi utama Pejabat Kewangan yang *'customer orientated'* dan pada setiap masa menerapkan empat penghayatan Nilai Bersama PKNS iaitu:



- P**- Pelanggan diutamakan,
 - K**- Komited ke arah kecemerlangan,
 - N**- Nilai professional dan
 - S**- Sinergi berpasukan
- NILAI BERSAMA**

Kaitan **FINTECH SITES** di peringkat kumpulan, adalah sejajar dengan Visi kumpulan Fintech iaitu Transformasi Pendigitalan Ke Arah Penyampaian Maklumat Berkesan

Inovasi **FINTECH SITES** adalah dengan memanfaatkan sepenuhnya teknologi IR 4.0 yang telah sedia ada dilanggan oleh PKNS sejak tahun 2011 dengan anggaran bayaran lesen sebanyak RM527,697.68 sehingga RM593,218.40 setahun.

2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH

FINTECH SITES menyampaikan dokumen kewangan melalui medium pantas yang melangkaui jangkaan. **FINTECH SITES** juga menjadi tanda aras dalam perkongsian data kewangan kepada pelanggan dan pemegang taruh disamping menjadikan medium penyampaian maklumat dengan cepat, tepat dan selamat.



FINTECH SITES meningkatkan kecekapan dan penyampaian maklumat yang berkesan kepada pelanggan dalaman dan luaran disamping menyampaikan maklumat secara efektif, dimana jua berada dan pada bila-bila masa maklumat diperlukan, penyampaian maklumat dapat disampaikan dengan pantas.

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL


Pembangunan **FINTECH SITES** adalah sejajar dengan Agenda Negeri Selangor, Rancangan Malaysia Ke-12, Rangka Tindakan Ekonomi dan Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital yang meletakkan penggunaan teknologi digital sebahagian strategi bersepadu pemodenan kerajaan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

2.4.1 Analisis Keadaan Semasa (Bahagian Kewangan PKNS)

Pencarian dokumen kewangan adalah masalah utama yang dihadapi oleh Jabatan Kewangan. Masalah ini memberi kesan negatif kepada kecekapan proses kerja di Jabatan. Kajian data sepanjang tahun 2020 menunjukkan pencarian dokumen telah mengambil masa yang lama, iaitu puratanya **10 hari bekerja**. Keadaan ini terjadi berikutan arahan PKPB dan PKP oleh kerajaan disebabkan kekangan dokumen yang tiada dalam simpanan atau *softcopy*. (Rujuk Lampiran 2.1)

Data Kajian Masa Carian Dokumen Kewangan						
2020						
JAN - FEB (JAM)	MAR-APRIL (JAM)	MEI - JUN (JAM)	JUL - OGOS (JAM)	SEPT - OKT (JAM)	NOV - DIS (JAM)	PURATA /BULAN (JAM @ HARI)
32	424	424	72	24	8	82 jam @ 10 hari



2.4.2 Analisis Keadaan Semasa (Bandingan Dengan Rakan Strategik)


Kumpulan Fintech juga telah membuat kajian masa, kesukaran pencarian maklumat, kos pencetakan dan tahap kepuasan hati pelanggan dan impak inovasi semasa di Pejabat Kewangan PKNS dan Rakan Strategik yang menghadapi masalah yang sama dan mendapati ekosistem semasa seperti ditunjukkan dalam jadual dan rajah berikut:

Analisa Ekosistem Semasa Bersama Rakan Strategik


Rakan Strategik	TAHAP PENAWARAN					Mean
	Masa Pencarian	Kesukaran mencari maklumat	Kos Percetakan	Kepuasan hati pelanggan	Impak ciptaan	
Bahagian lain di PKNS - (Bahagian Pembangunan Bisnes)	60	30	95	20	40	49
Anak Syarikat PKNS - SIC	85	75	85	60	65	74
FINTech SITES	65	70	100	40	50	65
	210	175	280	120	155	63

GARIS PURATA PENAWARAN

Kanvas 'As-Is'
(Analisa Ekosistem Semasa Pejabat Kewangan)



Kanvas 'As-Is'
(Analisa Ekosistem Semasa Bersama Rakan Strategik)



2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

2.5.1 Kaedah Pemilihan Projek

Projek yang dipilih berdasarkan satu proses yang berurutan dan sistematik




dengan menggunakan beberapa QC Tools dan Alatbantu Pengurusan seperti berikut:

2.6 PERNYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

SASARAN OUTCOME:

Menghapuskan Masa Carian Dan Serahan Dokumen Kewangan



SASARAN IMPAK:

- Memaksima Pelaburan PKNS Terhadap Teknologi Revolusi Industri (IR) 4.0
- Merealisesi Pengembangan Inovasi **FINTech SITES** Dalam Kalangan Rakan Strategik Jabatan, PKNS Dan Jabatan Kewangan Perkhidmatan Awam


3.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN

- 3.1.1 Strategi penyelesaian Kumpulan Fintech untuk menghasilkan inovasi **FINTECH SITES** adalah dengan mengadaptasi salah satu daripada tools yang terdapat dalam Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy - BOS) iaitu **Strategi Empat (4) Langkah, E - Eliminate, R – Reduce, R – Raise dan C – Create**

STRATEGI LAUTAN MERAH (EKOSISTEM SEMASA)	VS	STRATEGI LAUTAN BIRU (EKOSISTEM MASA DEPAN)
Pencarian dokumen di dalam bilik fail		Pencarian dokumen pada bila-bila masa, dan dimana- mana lokasi berada
Pencarian dokumen yang lambat, tidak pasti dan berisiko		Pencarian dokumen yang cepat, tepat dan selamat
Kakitangan – Ejensi luar		Individu
Pencarian dokumen secara fizikal dan manual		Pencarian dokumen secara atas talian
Pengguna terpaksa menunggu – Kepuasan pengguna berkurang		Mesra pengguna – Kepuasan pengguna meningkat
Masa pencarian dokumen bergantung kepada situasi semasa seperti kehadiran dan masa kakitangan		Masa pencarian dokumen yang pantas, menjimatkan masa

- 3.1.2 Strategi 4 langkah E.R.R.C kemudiannya dizahirkan dalam **Tindakan 4 Langkah** untuk menghasilkan idea inovatif dan kreatif bersandarkan analisis data seperti berikut:



- Masa pencarian dokumen yang lama

Sepanjang tahun 2020, pencarian dokumen telah mengambil masa secara puratanya **10 hari bekerja** lebih-lebih lagi berikutan arahan PKPB dan PKP oleh kerajaan disebabkan kekangan dokumen yang tiada dalam simpanan atau *softcopy*. (Rujuk Lampiran 2.1)

- **Kesukaran Pencarian Maklumat**

Kesukaran untuk mencari dokumen / maklumat yang diperlukan ekoran fail yang tebal dan maklumat yang pelbagai disamping tiada lokasi penyimpanan berpusat. (Rujuk Lampiran 2.1)


- **Kos Percetakan**

Sepanjang tahun 2020, kos percetakan telah mengambil masa secara puratanya RM430/bulan dan dokumen adalah berbentuk *hardcopy*. (Rujuk Lampiran 2.1)

- **Kepuasan Hati Pelanggan**

Penyerahan dokumen secara purata lewat 10 hari /bulan. Ini memberi kesan terhadap kepuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan penyampaian dokumen dan maklumat. (Rujuk Lampiran 2.1)

3.1.3 Strategi dan Tindakan 4 langkah E.R.R.C menggabungkan idea-idea kreatif dan inovatif sehingga berjaya menghasilkan inovasi **FINTECH SITES**. Inovasi ini dijangka dapat menyelesaikan masalah pencarian dokumen kewangan yang mengambil masa




yang lama.

3.1.4 Jangkaan Faedah daripada pembangunan **FINTECH SITES** dijelaskan melalui jadual dan graf berikut:

STRATEGI	LANGKAH (E.R.R.C)	PENAMBAHBAIKAN	SEMASA	SASARAN	SASARAN (%)
SASARAN					
Sasaran Projek	ELIMINATE	Masa Pencarian & Serahan Dokumen Kewangan	10 Hari	1 Hari	100%
JANGKAAN FAEDAH					
Jangkaan Faedah 1	REDUCE	Kesukaran Pencarian Maklumat	21 orang (70%) Pelbagai Sumber: 3 Bilik Fail	1 orang (5%) Sumber: 1 Pusat Simpanan	Pengurangan 70%
Jangkaan Faedah 2	REDUCE	Kos Percetakan	RM 430/ Bulan (100%)	RM 215/ Bulan (50%)	Pengurangan 50%
Jangkaan Faedah 3	RAISE	Kepuasan Pelanggan	12 Orang (40%)	24 Orang (80%)	Penambahan 40%
Jangkaan Faedah 4	CREATE	Melaksanakan Sistem Perkongsian Data	Pencarian dokumen secara manual	Capaian Simpanan Dokumen Berpusat	


Jangkaan Faedah Kanvas Strategi 'To-Be'



3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTAIP

- 3.2.1 Kumpulan Fintech telah merangka jadual Pembangunan Inovasi dan ujicuba selama tujuh (7) bulan bagi membangunkan inovasi **FINTECH SITES** seperti ditunjukkan dalam Jadual Perbatuan seperti berikut:

Jadual Pembangunan Inovasi & Uji Cuba Fintech Sites





- 3.2.2 **FINTECH SITES** dibangunkan melalui proses Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) yang meliputi Analisa Keperluan Pengguna, Rekabentuk, Rekabentuk Pangkalan data dan Antaramuka Pembangunan Sistem dan 'Data Conversion' (Pendigitalan Maklumat dan Data), Instalasi dan Ujicuba Sistem, Penambahbaikan Komponen Sistem dan Penerimaan oleh pengguna.

PROSES PEMBANGUNAN INOVASI

(KITARAN HAYAT PEMBANGUNAN SISTEM FINTECH SITES)



- 3.2.3 **FINTECH SITES** yang telah siap dan dokumen kewangan yang telah diimbas menjadi data digital telah dipasang dan diujicuba oleh pengguna. Setelah diujicuba, beberapa penambahbaikan terhadap fungsi telah dibuat selepas mendapat maklumbalas dari pengguna. **FINTECH SITES** mengandungi modul-modul utama seperti berikut:



- 3.2.4 **FINTECH SITES** adalah satu projek pendigitalan dokumentasi kewangan yang menggunakan sepenuhnya sumber teknologi sedia ada tanpa sebarang kos tambahan. **FINTECH SITES** dibangunkan melalui aplikasi Google Sites di mana aplikasi ini sememangnya tersedia dalam aplikasi Google yang telah dilanggan oleh PKNS. Kreativiti kumpulan Fintech adalah terletak kepada:
- 1.. Daya cipta bagi menyelesaikan masalah yang ada;
 - 2.. Daya penggunaan sumber sedia ada yang berharga bagi mencapai impak secara maksima; dan
 - 3.. Daya usaha bagi mewujudkan idea yang masih belum giat dicetuskan.

3.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / PIHAK BERKUASA

Projek **FINTECH SITES** telah dibincangkan dan dibahaskan serta telah mendapat sokongan dan kelulusan di dalam Mesyuarat Pengurusan PKNS yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNS bertarikh 29 Jun 2021 (**Rujuk Lampiran 1.2**).

Projek **FINTECH SITES** juga telah mendapat sokongan daripada Bahagian Teknologi Maklumat PKNS dan ejensi luar iaitu juruaudit luar untuk menambahbaik prosedur kerja di Bahagian Kewangan. (**Rujuk Lampiran 1.3**).

3.4 PELAKSANAAN INOVASI

FINTECH SITES adalah satu projek pendigitalan dokumentasi kewangan tanpa sebarang kos tambahan. **FINTECH SITES** dibangunkan melalui aplikasi Google Sites dimana aplikasi ini sememangnya tersedia dalam aplikasi Google. Projek ini memerlukan komitmen setiap unit kewangan yang terlibat dalam proses muatnaik dan kemaskini dokumentasi. Keperluan pendigitalan dokumentasi bertujuan bagi:


- 1....Rujukan semua kakitangan PKNS
- 2....Carian maklumat bayaran dan hasil yang melibatkan orang awam
- 3....Carian maklumat oleh pihak berkepentingan

Potensi **FINTECH SITES** dapat dikembangkan di bahagian lain di PKNS bagi pemudah cara pencarian maklumat dan dokumen di samping penyimpanan secara selamat. Bagi maklumat dan dokumen status SULIT, kata kunci bagi akses maklumat dan dokumen tersebut akan diwujudkan.

Sehingga kini, hasil daripada inovasi **FINTECH SITES** yang telah dihasilkan bagi menambahbaik cara dan proses kerja warga Bahagian Kewangan PKNS, rekod data menunjukkan beberapa maklumat seperti berikut:-

- 1.....Jumlah dokumen yg telah diimbis bagi simpanan digital bagi setiap unit/bahagian di Kluster Pejabat Ketua Pegawai Kewangan adalah sebanyak 1,821 salinan (tahun 2020) dan 688 salinan (tahun 2021). (**Rujuk Lampiran 3.1**).

2.. Jumlah pengguna yang melayari **FINTECH SITES** bagi tujuh (7) menu utama:-



3.. Tahap capaian **FINTECH SITES** dan keperluan:-

NO	MODUL	FOLDER	PAPARAN AWAM	PERLU KEBENARAN	PENGUNA UTAMA
1	PERBENDAHARAAN	Virement		✓	Juruaudit
		Valuation Report		✓	Anggota PKNS
		Senarai Semak Pembayaran	✓		Anggota PKNS
		Ebuku Belanjawan	✓		Anggota PKNS
		Borang	✓		Anggota PKNS
		Baucer Pembayaran		✓	Juruaudit, LHDN
2	PERAKAUNAN	Percukaian		✓	LHDN
		Final Akaun		✓	Juruaudit
3	PENGURUSAN TUNAI DAN PINJAMAN	Portfolio		✓	Anggota PKNS, Juruaudit
		Penyata Akaun Semasa		✓	Anggota PKNS, Juruaudit
		BSKL Warrant		✓	Anggota PKNS, Juruaudit
4	PENGURUSAN BESAR KEWANGAN	Cabutan Minit		✓	Anggota PKNS
5	KETUA PEGAWAI KEWANGAN	Pekeliling	✓		Anggota PKNS, Juruaudit
		Buku Peraturan	✓		Anggota PKNS, Juruaudit
6	HASIL	Resit Lama		✓	Anggota PKNS, Juruaudit
		Laporan Kutipan Harian		✓	Anggota PKNS, Juruaudit
		Cash Flow		✓	Anggota PKNS, Juruaudit
		Cash Diary		✓	Anggota PKNS, Juruaudit
		Cagaran		✓	Anggota PKNS, Juruaudit

4.0 KEBERHASILAN PROJEK

4.1 PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN

4.1.1 PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN

A. MASA

Berdasarkan keputusan kaji selidik, kepantasan masa pencarian bertambah 99.8% bersamaan masa pencarian dokumen kewangan hanya memerlukan masa 30 minit melalui medium **FINTECH SITES**. Berbanding sebelum **FINTECH SITES** dibangunkan, masa pencarian dokumen adalah selama 14,400 minit = 10 hari.

Pencapaian projek 9.8% melebihi sasaran projek sebanyak 90%

B.KOS

Penjimatan kos percetakan sebanyak 71% berjaya dilakukan selepas **FINTECH SITES** dibangunkan. Kos percetakan bagi dokumen kewangan RM430 sebulan sebelum inovasi **FINTECH SITES** dibangunkan berkurang kepada RM125 sebulan selepas **FINTECH SITES** dibangunkan. **Pencapaian projek 21% melebihi sasaran projek sebanyak 50%**

C.KEPUASAN PELANGGAN

Kajian terhadap 30 orang responden, 90% responden berpuas hati dengan penyampaian maklumat melalui pendigitalan di **FINTECH SITES**. **Pencapaian projek 10% melebihi sasaran projek sebanyak 80%**

D.PRODUKTIVITI


Dengan penyimpanan maklumat dan dokumen berpusat kepada satu (1) sahaja di **FINTECH SITES**, produktiviti kerja telah meningkat kerana wargajerja tidak perlu lagi mencari maklumat secara fizikal di 3 lokasi yang berbeza.

Outcome: Pencapaian vs Sasaran Projek



113

Kanvas Strategi Pencapaian Prestasi





4.1.2 FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)

4.2 IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

4.2.1 PENILAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN

- . Sistematik & Efektif –himpunan penyimpanan dan pencarian dokumen yang lebih teratur;
- . Meningkatkan capaian maklumat kewangan dengan pantas dan tepat;
- . Memaksimumkan kecekapan dan penyampaian maklumat yang berkesan;
- . Memenuhi keperluan pihak berkepentingan dari semasa ke semasa;
- . Mengatasi masalah dokumen rosak atau hilang;
- . Penjimatan guna tenaga manusia; dan
- . Menjaga imej PKNS –proses pembayaran lebih efektif dan lancar.

Pada fasa proses pemantauan, satu penilaian tahap kepuasan pengguna dalam penggunaan **FINTECH SITES** telah dibuat pada 02 – 04 Nov 2020.

4.2.2 FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)

A. Penjimatan Kos pembangunan FINTECH SITES:

Hasil semakan harga dengan Vendor Pembekal Sistem harga laman Web seperti yang dibina adalah dalam anggaran purata dalam RM102,000.00 Manakala kerja-kerja scanning maklumat kewangan kepada digital pada harga RM0.50 sehelai.

Untuk projek **FINTECH SITES** ini, sebanyak 2,509 helai maklumat telah di 'scan'. Ini bermakna kos 'digitalised' maklumat dalam hardcopy ialah sebanyak RM103,254.50.

No	Aktiviti	Kos (RM)	Kuantiti	Jumlah (RM)
1	Pembangunan (oleh vendor)	102,000	1	102,000.00
2	Scan dokumen Kewangan	0.50	2,509	1,254.50
Jumlah				103,254.50

- **FINTECH SITES** dibangunkan sepenuhnya oleh kumpulan Fintech:

No	Aktiviti	Bil. (orang)	Kos (RM)	Kuantiti	Jumlah (RM)
1	Pembangunan oleh Ahli Fintech	10	Gaji sejam RM10.87	Jumlah Jam* 68 jam	1,419.16
2	Kerja Digitalised	2	Elaun sejam RM7.68	Jumlah Jam** 34 jam	522.24
Jumlah					1,941.40

*sebulan sekali dalam tempoh 4 jam/sehari (dalam tempoh 17 bulan)

*sebulan sekali dalam tempoh 2 jam/sehari (dalam tempoh 17 bulan)

Penjimatan Luar Jangka:

A. Kos Pembangunan (Outsourcing)	= RM103,254.50
B. Kos Pembangunan (Kumpulan Fintech)	= RM1,941.40
Jumlah Penjimatan	= RM101,313.10

B. Memaksimakan Pelaburan PKNS terhadap Langganan Google:

PKNS telah melanggan aplikasi Google dengan bayaran lesen tahunan sebanyak RM 527, 697.68 setahun. untuk kegunaan 941 orang warga PKNS. Ini bermakna, kos pelaburan PKNS terhadap setiap wargakerja sebanyak RM 560.80.

Pelaburan ini telah dimanfaatkan sepenuhnya oleh wargakerja Jabatan Kewangan hasil ciptaan inovasi **FINTECH SITES** dengan menggunakan

sepenuhnya kapasiti storan melalui Google Drive dan Google Site. Maklumat berkaitan kos yang terlibat dalam langganan adalah seperti jadual di bawah:

Tahun	Lesen 1000 pengguna (RM)	Cukai Kerajaan 6% (RM)	Yuran Penyelenggaraan (RM)	Cukai Kerajaan 6% (RM)	Jumlah (RM)
2018	538,440.00	32,306.40	21,200.00	1,272.00	593,218.40
2019	538,440.00	32,306.40	21,200.00	1,272.00	593,218.40
2020	538,440.00	32,306.40	21,200.00	1,272.00	593,218.40
2021	479,808.00	28,788.48	18,020.00	1,081.20	527,697.68
2022	479,808.00	28,788.48	18,020.00	1,081.20	527,697.68
2023	479,808.00	28,788.48	18,020.00	1,081.20	527,697.68
2024	479,808.00	28,788.48	18,020.00	1,081.20	527,697.68
2025	479,808.00	28,788.48	18,020.00	1,081.20	527,697.68
Jumlah Keseluruhan					4,408,921.60
Jumlah Keseluruhan (termasuk 6% SST)					4,418,143.60




Hasil beberapa gabungan bagi memaksimumkan penggunaan PKNS terhadap aplikasi Google

5.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK


5.1 TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/ SISTEM/ PROSES

Ketersediaan Infrastuktur ICT PKNS

- PKNS menyediakan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi kepada kakitangan bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti
- Bahagian Teknologi Maklumat telah menyediakan & menyokong kakitangan PKNS bagi menggunakan Google Drive bagi tujuan simpanan dan backup data.
- Google drive yang tersedia tidak mempunyai had simpanan (*unlimited storage*).



Ketersediaan Proses dan Sistem



5.2 TAHAP REPLIKASI DAN PENGKOMERSIALAN

5.2.1 TAHAP REPLIKASI

- **FINTECH SITES** telah digunapakai di Laman Web PKNS dan dipersetujui oleh Pihak Pengurusan PKNS;
- Mengaplikasikan proses kerja secara automasi dan capaian maklumat dihujung jari serta memenuhi cabaran revolusi Inovasi (Digital Ekonomi) supaya PKNS mampu berdaya saing; dan
- Meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat (Work-Life Balance) dan apresiasi segar.

5.2.2 POTENSI PENGKOMERSIALAN

A. 11 Anak Syarikat PKNS kerana mereka tidak mempunyai satu sites khusus atas talian untuk pencarian dokumen terutama Bahagian Kewangan Anak Syarikat. Anak Syarikat PKNS terdiri daripada:-

- Worldwide Holdings Berhad
- Datumcorp International Sdn. Bhd.

- PKNS Engineering & Construction Bhd.
- Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.
- Selgate Corporation Sdn. Bhd.
- De Palma Management Services Sdn. Bhd.
- PKNS Real Estate Sdn. Bhd.
- Akademi PKNS Sdn. Bhd.
- SACC Convec Sdn. Bhd.
- Selaman Sdn. Bhd.
- PI Brilliant Berhad

B. Semua dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor dan juga Pejabat Tanah Daerah di dalam Selangor. Sekiranya Bahagian Kewangan PKNS mengaplikasikan sites ini, mereka akan meningkatkan penyampaian maklumat yang berkualiti secara digital.



C. **FINTECH SITES** berpotensi juga untuk dibangunkan dalam bentuk Mobile Apps untuk penggunaan Sistem Operasi Andriod dan IOS. Sistem ini boleh digunapakai oleh orang ramai untuk sebarang pertanyaan tentang bil, sewa permis dan tuntutan cek syarikat di samping dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan imej PKNS bagi menarik lebih ramai pelanggan.




PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(Selangor State Development Corporation)

BANGUNAN III PEJABAT PKNS, NO. 2, JALAN INDAH 14B
SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: 03-5525 0300 (10 Talian) FAX: 03-5525 0040, 03-5525 0041 Email: general@pkns.gov.my




ISO 9001:2015 CERT. NO. 0000000000
CERT. NO. 0000000000

Rujukan Tuan :
Rujukan kami : PKNS/BPP/123 Jld. 11 (41)
Tarikh : 14 April 2021



Puan Azlina binti Jaapar
Pengurus Besar Kewangan
Pejabat Kewangan

Tuan,

PELANTIKAN BAGI MENYERTAI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PKNS 2021

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Selaku pemaju hartanah terulung di Negeri Selangor, PKNS memberi penekanan terhadap pembudayaan inovasi dan kreatif sektor awam. PKNS telah memberikan komitmen dengan menyediakan pelan tindakan program pembudayaan inovasi bagi menerapkan inovasi secara berterusan di PKNS.

3. Sejak tahun 2018, PKNS telah menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bertujuan memberi peluang kepada anggota-anggota PKNS untuk mempersembahkan hasil cetusan idea kreatif dan inovatif masing-masing bagi membolehkan sistem penyampaian perkhidmatan di PKNS sentiasa ditambah baik.

4. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) PKNS 2021 telah diluluskan di dalam Mesyuarat Pengurusan Bilangan 13/2021 bertarikh 6 April 2021.

5. Oleh yang demikian, sukacita dimaklumkan PKNS telah bersetuju melantik Kumpulan KIK dari bahagian tuan untuk menyertai Konvensyen KIK PKNS 2021 yang dijangka akan diadakan pada bulan Julai 2021 seperti berikut:


Nama Kumpulan : **FINTECH**
Tajuk projek : **Pendigitalan Dokumen**
Ahli Kumpulan : **Senarai seperti di Lampiran 1**

Pa. Sani,
Azlina Gya
21/4/21

m.s. 1/2

JABATAN KEMAJUAN WILAYAH UTARA, TINGKAT 2 & 3, KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM
PERSILARAN TASEK, 40505 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: 03-5519 2211 (10 Talian) FAX: 03-5510 5310/03-5510 4900

JABATAN KEMAJUAN WILAYAH SELATAN, TINGKAT 4 & 5, KOMPLEKS PKNS BANGI, PERSILARAN BANGI
43600 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: 03-8925 0216, 8925 0217, 8926 2344 FAX: 03-8925 0219



6. Dengan pelantikan ini, diharap pihak tuan dapat memaklumkan kepada anggota bahagian tuan yang terlibat untuk membuat persiapan awal serta memberi kerjasama penuh bagi sesi-sesi khidmat rundingan yang akan dijalankan bagi memastikan projek kik tersebut dapat diukur impak dan keberkesanan projek atau potensi komersialisasinya.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(SAPNA BINTI TURMIDI)
Pengurus Besar Perhubungan Korporat
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
melinovasi/antiken/konvensyen/kik/plns/2021

No. Tel : 03-5525 1562
E-mel : sapna@pkns.gov.my

m.s. 2/2

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
BORANG PENYERTAAN PROJEK INOVASI 2020-2021

Nama Kumpulan	:	FINTech
Bahagian	:	Pejabat Kewangan
Nama Ketua Kumpulan	:	Norliyana binti Remeli
Tajuk Projek	:	Pendigitalan Dokumen – Dokumen Kewangan

Ringkasan Projek:
 Pengalaman Bekerja Dari Rumah (BDR) telah mencetuskan idea kepada Pejabat Kewangan bagi pelaksanaan pendigitalan dokumen yang berupaya untuk meningkatkan kecekapan dan perolehan pengurusan maklumat di bahagian.

Pendekatan melalui penggunaan pendigitalan dokumen ini adalah antara revolusi yang pesat berkembang dan merupakan alternatif yang dikenalpasti dalam membantu keperluan pengurusan Perbadanan secara digital.

Dokumen-dokumen kewangan yang telah dikenalpasti untuk didigitalkan adalah seperti Minit Mesyuarat, Baucar Pembayaran, Jernal, Laporan Kewangan dan lain-lain dokumen kewangan yang berkaitan.

Masalah yang dihadapi:

